




# Praktis Ekstra

## Bab 1(b)

1. Menghasilkan peta i-THINK yang sesuai untuk menunjukkan masalah asas ekonomi.

2. Lengkapkan peta pokok dengan masalah asas ekonomi.


**i-THINK** Peta Pokok



3. Lengkapkan jadual berikut tentang penyelesaian masalah asas ekonomi oleh setiap sistem ekonomi yang berlainan.

	<b>Sistem ekonomi pasaran bebas</b>	<b>Sistem ekonomi perancangan pusat</b>	<b>Sistem ekonomi campuran</b>
<b>Apa yang hendak dikeluarkan</b>			
<b>Berapa yang hendak dikeluarkan</b>			
<b>Bagaimana hendak dikeluarkan</b>			
<b>Untuk siapa dikeluarkan</b>			

4. Lengkapkan teka silang kata berikut.



**MENEGAK**

- (a) Masalah asas ekonomi “Bagaimana hendak dikeluarkan?” berkaitan dengan penentuan \_\_\_\_\_ pengeluaran sesuatu barang.
- (b) Matlamat isi rumah adalah untuk memenuhi \_\_\_\_\_.
- (c) Faktor yang menyumbangkan tenaga mental dan fizikal dalam proses pengeluaran.
- (d) Pemilik faktor pengeluaran dalam sistem ekonomi perancangan pusat.
- (e) Wujud akibat daripada masalah kekurangan dalam ekonomi.
- (f) Sistem ekonomi yang mengimbangi motif keuntungan dan kebajikan.
- (g) Ciri yang sama bagi semua faktor pengeluaran.
- (h) Unit ekonomi yang merancang penggunaan faktor pengeluaran.
- (i) Sumber alam semula jadi anugerah Tuhan.

**MENDATAR**

- (i) Wujud kerana ketidakseimbangan antara sumber ekonomi dengan kehendak manusia.
- (ii) Bentuk persaingan dalam sistem ekonomi campuran.
- (iii) Pembuat keputusan dalam sistem ekonomi pasaran bebas.
- (iv) Keinginan untuk memiliki barang atau perkhidmatan.
- (v) Ditentu oleh kuasa permintaan dan penawaran dalam pasaran.
- (vi) Matlamat utama firma.

5. Petikan berikut adalah berkaitan dengan sistem ekonomi di Korea Utara dan Korea Selatan.

Walaupun Korea Utara dan Korea Selatan terletak di semenanjung yang sama, sistem ekonomi yang diamalkan oleh kedua-dua negara ini amat berbeza.

Ekonomi Korea Utara berada di bawah kawalan penuh kerajaan. Kerajaan menentukan segala aktiviti pengeluaran dan pelaburan dalam negara. Sebahagian besar pendapatan negara diguna untuk membiayai perbelanjaan ketenteraan. Hampir semua pekerja bekerja di perbadanan milikan kerajaan dan gaji mereka dibayar bawah sistem agihan berpusat. Perkhidmatan awam seperti pendidikan, kesihatan dan telekomunikasi disediakan dan dikawal penuh oleh kerajaan.



Negara ini kaya dengan pelbagai bahan mineral seperti besi, zink dan emas. Namun, pengeluaran hasil perlombongan adalah terhad kerana terlalu bergantung kepada kaedah intensif buruh dalam proses perlombongan. Aktiviti pertanian bertumpu kepada pengeluaran ubi kentang dan beras yang menjadi sumber makanan penduduk tempatan. Antara tahun 1995 hingga 2000, Korea Utara pernah menghadapi masalah kebuluran yang teruk kerana keadaan cuaca buruk telah menjejaskan hasil pertanian. Kerajaan terpaksa melaksanakan sistem catuan makanan bagi mengatasi krisis tersebut. Aktiviti perindustrian di Korea Utara bertumpu kepada pengeluaran peralatan ketenteraan. Kebanyakan hasil pengeluaran negara ini dieksport ke negara China. Korea Utara menerima pelaburan dari negara China dalam industri seperti kajian bahan kimia.

Korea Selatan pula merupakan ekonomi kedua belas terbesar di dunia dan ketiga terbesar di Asia. Jenama terkenal seperti Samsung, LG, Kia dan Hyundai yang berasal dari Korea Selatan sudah tidak asing bagi sebahagian besar penduduk dunia. Sejak 1962, kerajaan Korea Selatan mula mengorak langkah untuk membangunkan sektor perindustrian. Kerajaan mengalu-alukan kerjasama dan perkongsian ekuiti antara perbadanan awam dengan sektor swasta serta menggalakkan pengimportan bahan mentah dan teknologi melalui pemberian pelbagai insentif seperti pelepasan cukai. Berikutan dengan liberalisasi perundangan buruh pada tahun 2005, pengenalan sistem persaraan dalam sektor swasta telah menggalakkan penyertaan banyak tenaga kerja dalam sektor swasta dan mengurangkan kadar pengangguran. Usaha-usaha kerajaan Korea Selatan ini telah mendorong perkembangan pesat dalam sektor perindustrian negara. Cukai daripada aktiviti perniagaan digunakan oleh kerajaan untuk menyediakan barang awam.

Berdasarkan petikan tersebut, jawab soalan berikut.

- (a) Apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh negara Korea Utara?  
Berikan alasan anda berdasarkan fakta daripada kes.

---

---

---

---

---

---

---

---

- (b) Anda bersetuju bahawa negara Korea Selatan mengamalkan sistem ekonomi campuran.  
Berikan huraian terperinci dengan sokongan daripada fakta dalam kes.

---

---

---

---

---

---

---

---

- (c) Bandingkan sistem ekonomi yang diamalkan oleh negara Korea Utara dengan sistem ekonomi pasaran bebas. **KBAT** Menilai

<b>Ciri-ciri</b>	<b>Sistem ekonomi Korea Utara</b>	<b>Sistem ekonomi pasaran bebas</b>
<b>Pemilikan faktor pengeluaran</b>		
<b>Penentu kehendak</b>		
<b>Pembuat pilihan</b>		
<b>Persaingan</b>		

- (d) Nyatakan jenis-jenis campur tangan kerajaan Korea Selatan dalam ekonomi.

---



---



---



---



---



---



---



---